

KERATAN AKHBAR

(Bahagian Canselori)

Surat khabar: Utusan Malaysia (Kampus)

Hari/Tarikh: 27/6/2016

Muka surat: 13

Tajuk : Kongsi kepakaran Jepun



DR. NEILSON ILAN MERSAT (kiri) menyampaikan cenderahati kepada Dr. Oizumi Keichiro di Unimas, baru-baru ini.

Kongsi kepakaran Jepun

UNIVERSITI Malaysia Sarawak (Unimas) terpilih sebagai lokasi ketiga untuk jelajah syarahan Yayasan Jepun Kuala Lumpur oleh pakar ekonomi, pensyarah dan penulis buku terkenal Jepun, Dr. Oizumi Keichiro, baru-baru ini.

Dr. Oizumi merupakan pemenang buku terkenal dari negara matahari terbit itu yang berjudul *Aging in Asia* menyampaikan syarahananya di Auditorium Pusat Khidmat Maklumat Akademik (PKMA) Unimas.

Sebelum ke Unimas, rombongannya itu telah mengadakan syarahan yang sama di Universiti Malaya (UM) dan Universiti Sains Malaysia (USM).

Dekan Fakulti Sains Sosial, Prof. Madya Dr. Neilson Ilan Mersat dalam

ucapan berkata, beliau mengalaukan kehadiran rombongan daripada yayasan berkenaan ke universiti ini.

Katanya, Unimas berharap program seumpama itu dijalankan sebagai usaha mempromosi Unimas ke persada antarabangsa.

"Program ini merupakan usaha ilmuwan kerjasama akademik dalam meningkatkan pengetahuan dan pengalaman masing-masing.

"Tujuan aktiviti ini diadakan untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan mengenai cabaran dan isu-isu semasa sekali gus mencari jalan penyelesaian bersama ke arah perombakan idea-idea baru dan strategik," katanya.

Dr. Oizumi yang juga pakar

ekonomi kanan di Institut Penyelidikan Jepun berkata, beliau memuji semangat pensyarah dan pelajar Unimas yang ditunjukkan ketika sesi syarahan tentang perubahan demografi sosial dan ekonomi di rantau Asia.

Sementara itu, rombongan Dr. Oizumi turut dibawa berkunjung ke Kampung Lebor di Serian, Sarawak untuk beramah mesra dengan kehidupan masyarakat tempatan di negeri ini.

Kampung Lebor merupakan antara kawasan tinggal masyarakat Iban yang paling awal di kawasan Serian. Kampung yang mempunyai 174 isi keluarga ini dikenali juga sebagai masyarakat Iban Remun.